

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ
SYED ABDUL FASAL (BUKIT GANTANG)**

TARIKH : 03 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

Datuk SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan status terkini kemajuan projek Lebuh Raya Pantai Barat (WCE) yang melibatkan Parlimen Bukit Gantang iaitu daripada Batu Hampar, Trong hingga ke Changkat Jering. Bilakah tarikh siap projek ini yang dijangka memberi lonjakan ekonomi luar bandar dan manfaat kepada rakyat setempat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembukaan Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (WCE) secara berperingkat telah bermula pada tahun 2019 melibatkan Seksyen 5 di Selangor (dari Persimpangan Bandar Bukit Raja ke Persimpangan Kapar) serta Seksyen 8, 9 dan 10 di Negeri Perak (dari Persimpangan Hutan Melintang ke Persimpangan Teluk Intan dan dari Persimpangan Kampung Lekir ke Persimpangan Beruas).

Seksyen Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat yang melalui kawasan Parlimen Bukit Gantang melibatkan jajaran Seksyen 11 yang bermula dari Persimpangan Beruas ke Persimpangan Taiping Selatan dengan panjang jajaran iaitu 35.5km. Peratusan kemajuan sebenar kerja pembinaan di Seksyen 11 bagi tempoh berakhir 25 September 2021 adalah 52.47% dan menjangkakan pembinaan seksyen ini akan dapat disiapkan pada tahun 2023.

Pada masa kini, kerja-kerja pembinaan sedang dijalankan di bahagian jajaran yang belum disiapkan melibatkan kerja tanah, letusan batu, pembinaan struktur dan jambatan, perparitan, cerun, turapan, kerja mekanikal dan elektrik, perabot jalan, bangunan dan lain-lain. Walau bagaimanapun, kemajuan pembinaan agak terkesan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD) bagi mengekang pandemik Covid-19.

Sekian, terima kasih.